

UM — 8 APR 2002

LANGKAWI 7 April — Langkawi bakal menjadi tumpuan kapal layar dari Arab Saudi apabila para pemilik kapal layar berkenaan menunjukkan minat untuk menjadikan pulau peranginan ini sebagai destinasi persinggahan mereka.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beberapa pemilik kapal layar dari Arab Saudi yang

Langkawi bakal jadi

ditemuinya telah menyatakan hasrat mereka untuk membawa kapal layar mereka ke Langkawi.

“Banyak pelancong dari Arab Saudi yang mungkin akan membawa kapal layar mereka ke sini, kita harap mereka bawa, kalau bawa ke sini Malaysia akan jadi destinasi kapal layar,” katanya kepada pemberita selepas melawat perkampungan kristal di Pulau Rebak di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, Malaysia sentiasa mengalukan pihak swasta dan pelabur dari luar negara untuk terlibat dalam memajukan pelancongan maritim di negara ini.

“Kita bina marina baru di Pantai Kok dan infrastrukturnya akan disediakan oleh kerajaan tetapi sektor swasta digalakkan untuk membina hotel, kondominium dan kemudahan lain,” katanya.

tumpuan kapal layar Arab Saudi

Dalam perkembangan lain, Dr. Mahathir menyifatkan lawatannya ke Langkawi kali ini sebagai berjaya khususnya dari segi hubungannya dengan rakyat di pulau peranginan ini.

“Kali ini saya datang tiga hari ada program penuh dari pagi sampai lebih 12 malam, terima kasih kerana lawatan kali ini berjaya dari segi hubungan dengan rakyat di Langkawi,” katanya.

Perdana Menteri yang melawat Langkawi selama tiga hari sejak Jumaat lalu mempunyai jadual atur cara yang sibuk apabila program khas bertemakan *Terima Kasih Perdana Menteri* telah diadakan khusus untuk menyatakan penghargaan penduduk Langkawi kepada beliau.

Sementara itu, mengenai dakwaan penyelewengan dalam Amanah Ikhtiar Malaysia

(AIM), kata Perdana Menteri, siasatan mesti dilakukan jika terdapat laporan tentang sebarang kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana pihak.

“Kalau ada laporan atau ura-ura kesalahan dilakukan kita mesti siasat, tanpa siasatan tak boleh buat apa-apa tindakan,” ujarnya.

Ditanya mengenai tindakan seorang ahli Parlimen Singapura yang meminta rakyat

negara itu tidak membeli-belah di Johor Bahru, kata Perdana Menteri: “Dia cakap saja kita tak ambil kira orang macam tu”.

Seorang ahli Parlimen Singapura, Ong Ah Heng meminta rakyat negara tersebut membuat pendirian tegas dengan tidak lagi membeli-belah di Johor Bahru mengambil kira perkembangan semasa hubungan Malaysia-Singapura.